

Gubal akta landskap jamin kualiti bandar berdaya huni

Berita Harian · 17 May 2024 · 11 · Oleh Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain bhrencana@bh.com.my

berasingan pokok berusia tumbang di ibu negara, baru-baru ini sehingga meragut nyawa adalah amat serius dan memerlukan tindakan segera Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk merangka tindakan jangka panjang lebih baik bagi menangani permasalahan ini.



Pokok yang tumbuh dan hidup melebihi 50 tahun dalam bandar berstatus bersejarah atau warisan. Pokok bersejarah mempunyai impak besar pada landskap bandar, secara visual dan alam sekitar. Pokok ini ditanam, dibiarkan tumbuh dan membesar sehingga menjadi identiti kawasan terbabit.

Namun, hakikatnya, pokok di bandar terhimpit dengan pembangunan pesat. Tiada lagi ruang hijau menjadi ruang udara untuk pokok ini. Ruang hijau sekeliling pokok perlu dibiarkan supaya berlaku proses penyerapan air, pelepasan udara dan perkembangan akar. Di samping itu, aktiviti pembinaan dan jumlah kenderaan yang banyak kadangkala merosakkan akar, batang dan dahan pokok manakala kerja pembangunan boleh mengurangkan ruang tumbuh pokok sedia ada. Aktiviti pemangkasan pokok tidak teratur juga boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan pokok ini.

Bermakna, sudah sampai masa Malaysia sebagai sebuah negara Khatulistiwa yang memiliki hutan hujan tropika, mewujudkan akta khusus berkaitan perancangan dan reka bentuk landskap atau akta landskap. Akta ini memainkan peranan penting dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap di Malaysia.

Dalam akta ini, pokok dan tumbuhan adalah teras dan paksi utama kepada keseluruhan perancangan serta reka bentuk landskap, terutama dalam bandar. Ia juga perlu dimasukkan dengan proses pemuliharaan dan penjagaan pokok serta tumbuhan berstatus sejarah serta warisan.

Akta landskap mempunyai kaitan erat dengan penjagaan pokok warisan dalam bandar kerana menyediakan kerangka undang-undang untuk melindungi, memulihara dan mengurus pokok bersejarah serta bernilai tinggi. Pokok warisan, biasanya berusia 50 atau ratusan tahun, mempunyai nilai sejarah, budaya atau ekologi penting, memerlukan perlindungan khusus untuk memastikan kelangsungan 'hidup' mereka.

Sedia peraturan ketat

Melalui akta landskap, kerajaan dan PBT dapat menetapkan garis panduan dan peraturan ketat mengenai penanaman, pemangkasan dan penjagaan pokok warisan. Ini termasuk langkah mengelak penebangan haram, memberikan rawatan khusus kepada pokok sakit dan memastikan kawasan sekitar pokok warisan tidak terganggu sehingga merosakkan akarnya.

Akta ini harus mampu mengawal selia perancangan dan pembangunan landskap memabitkan penanaman pokok dan tumbuhan berkaitan serta bersesuaian di bandar, perumahan dan kawasan lain, di samping membentuk kesejahteraan bandar yang berdaya huni dan lestari dengan mengenengahkan infrastruktur hijau dan biru.

Antara kepentingan utama akta landskap adalah memelihara keindahan alam semula jadi dan warisan landskap. Ini termasuk melindungi kawasan hijau, taman awam dan elemen landskap penting dari segi ekologi dan budaya, sekali gus membantu mencegah pencerobohan dan kemusnahan alam semula jadi akibat pembangunan tidak terkawal. Akta landskap juga patut berfungsi meningkatkan kualiti hidup penduduk, menyediakan ruang rekreasi sihat, mengurangkan tekanan kehidupan bandar dan memperbaiki kesejahteraan mental dan fizikal masyarakat.

Dari segi ekonomi, akta landskap membawa kepentingan besar kepada pembangunan lestari, membantu mengurangkan kos jangka panjang berkaitan pengurusan alam sekitar dan infrastruktur, mengurangkan risiko bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh serta mengurangkan kos penyelenggaraan bandar.

Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Jabatan Landskap Negara wajar melihat kepentingan untuk mewujudkan akta landskap sebagai garis panduan membentuk kualiti bandar berdaya huni dan menjamin kelangsungan kehidupan lebih lestari.